

BAB V

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Di bahagian ini, pengkaji akan merumuskan serta membincangkan kajian ini dan membuat beberapa cadangan yang dirasakan perlu untuk kajian serta tindakan lanjut. Bagi memudahkan pengkaji membuat penjelasan, penghuraian serta rumusan, bab ini akan dibahagikan kepada enam(6) bahagian, iaitu; pendahuluan, rumusan kajian, perbincangan hasil kajian, kesimpulan kajian, cadangan perlaksanaan dan cadangan kajian lanjutan.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian tentang kursus Tamadun Islam dan Asia, ringkasnya TITAS satu dan dua ini amat penting bagi membolehkan pengkaji memahami dan mengetahui tahap pandangan di kalangan pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam mengenai Islam sebagai suatu tamadun yang mempunyai ciri-ciri dan nilai-nilai sejagat. Justeru itu kajian ini lebih tertumpu untuk mencari, mengesan dan menilai kaedah yang lebih baik dalam meningkatkan kefahaman mereka.

Dapatan kajian boleh dijadikan asas untuk tindakan susulan terutama membangkitkan kesedaran kepada pelajar IPTA untuk lebih bersungguh

memahami kursus TITAS agar matlamatnya tercapai. Justeru itu kajian ini diharap dapat menjawab persoalan-persoalan kajian iaitu sejauh manakah perbezaan penguasaan di kalangan pelajar-pelajar IPTA berdasarkan perbezaan demografi. Selain itu pengkaji juga berharap dapat mengukur sejauhmanakah wujudnya perbezaan persepsi dalam pemahaman TITAS di kalangan pelajar-pelajar IPTA. Di samping itu kajian ini dijangkakan dapat melihat kemampuan pelajar-pelajar IPTA menghayati kursus TITAS yang diwajibkan kepada semua pelajar di IPTA.

Instrumen kajian berasaskan soalselidik yang dibina khusus bagi menjawab persoalan kajian. Secara spesifiknya kajian ini cuba untuk melihat sama ada faktor-faktor demografi mempengaruhi tahap kefahaman TITAS di kalangan pelajar-pelajar di IPTA.


Faktor-faktor demografi yang menarik minat pengkaji dalam kajian ini adalah jantina, umur, etnik, agama anutan, tahap pengetahuan agama, tahun pengajian, sekolah terakhir dan negeri asal. Berdasarkan pemerhatian pengkaji kewajaran pemilihan faktor di atas adalah wajar untuk menilai apakah wujud perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman TITAS berasaskan perbezaannya.

Penyelidikan yang dijalankan adalah menggunakan kaedah korelasi berbentuk kuantitatif dengan menggunakan pendekatan deskriptif dan inferensi bagi menganalisis dan menguji hipotesis yang dibentuk. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS versi 10.0 di mana ujian-t dan ANOVA

satu hala digunakan bagi menguji perbezaan dan analisis kolerasi Spearman digunakan bagi menguji hubungan antara pemboleh ubah kajian.

Populasi kajian adalah merangkumi pelajar-pelajar di Universiti Utara Malaysia, yang terdiri daripada lelaki (19.0%) dan perempuan (81.0%), berumur di antara 21 hingga 24 tahun (89.5%) dan 25 hingga 30 tahun (10.5%), Melayu (62.0%), Cina (20.5%), India (10.5%), Bumiputera Sabah dan Sarawak (7.0%), beragama Islam (64.5%), kristian (7.0%), Buddha (18.0%) dan Hindu (10.0%). Seramai 250 responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Walau bagaimanapun hanya 200 set (80.0%) borang soalselidik yang telah dikembalikan untuk dianalisis. Taburan keseluruhan populasi kajian dapat digambarkan pada gambarajah di bawah ini,

Rajah 5.1: Taburan populasi kajian



Kajian ini telah direka bagi menguji tiga hipotesis nul seperti berikut.

- i. Tidak terdapat perbezaan pandangan para pelajar terhadap kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) di kalangan para pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) berasaskan ciri-ciri demografi yang berbeza.

- ii. Tidak terdapat perbezaan sambutan di kalangan para pelajar terhadap kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) yang diajar di kalangan para pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) berdasarkan ciri-ciri demografi yang berbeza.
- iii. Tidak terdapat perbezaan sikap di kalangan para pelajar terhadap kursus Tamadun Islam dan Asia (TITAS 1) yang diajar di kalangan para pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) berdasarkan ciri-ciri demografi yang berbeza.

5.3 Perbincangan Hasil Kajian

Perbincangan hasil penemuan kajian dibincangkan berdasarkan kepada analisa deskriptif bagi setiap pembolehubah dan berdasarkan hasil pengujian hipotesis yang telah dilakukan. Disamping itu perbincangan akan juga mengaitkan hasil keputusan yang diperolehi dengan kajian-kajian lepas untuk dijadikan perbandingan.

5.3.1 Ciri-ciri Pandangan Para Pelajar Terhadap Kursus Tamadun Islam Dan Asia (TITAS 1) di Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Hasil kajian telah mendapati pelajar-pelajar IPTA yang mengikuti kursus TITAS 1 berada pada sederhana di dalam keberkesanan pengajaran TITAS 1 (min, 2.83), pandangan terhadap kandungan TITAS 1 (min, 2.49), pandangan mengenai Dinul Islam (min, 2.32) dan pandangan keseluruhan terhadap TITAS 1 (min, 2.52).

5.3.2 Perbincangan Hipotesis Kajian

Terdapat tiga persoalan yang telah cuba dijawab oleh kajian ini iaitu ingin melihatkan sama ada faktor demografi menyumbang kepada perbezaan yang signifikan terhadap tahap pandangan para pelajar kursus TITAS 1 di IPTA. Kajian ini juga ingin mengetahui sama ada wujud atau tidak perbezaan yang signifikan dalam sambutan di kalangan para pelajar terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan ciri-ciri demografi. Di samping itu juga kajian ini akan menjawab persoalan apakah apakah wujud perbezaan yang signifikan terhadap sikap di kalangan pelajar kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan ciri-ciri demografi yang berbeza.

Hipotesis 1

Hasil dari penemuan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan dalam tahap pengajaran dan pembelajaran berasaskan perbezaan jantina responden. Ini menunjukkan jantina tidak mempunyai pengaruh yang besar terhadap perbezaan dalam tahap pengajaran dan pembelajaran. Kemampuan pelajar perempuan dan lelaki hampir sama sahaja. Kebanyakan respondan pula meletakkan kemampuan dan kemahiran para pensyarah menjadikan kursus ini sebagai menarik adalah di tahap sederhana. Ini dapat dilihat kepada jadual berikut;

Jadual 5.1: Taburan reaksi respondan mengenai aspek kemahiran pensyarah TITAS

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat menarik	6	3.0	3.0	3.0
	menarik	45	22.5	22.5	25.5
	sederhana	99	49.5	49.5	75.0
	menjemukan	37	18.5	18.5	93.5
	sangat menjemukan	13	6.5	6.5	100.0
	Total	200	100.0	100.0	

Hasil kajian seterusnya telah menunjukkan bahawa faktor kesesuaian kandungan silibus TITAS 1 didapati terdapat perbezaan yang signifikan berasaskan perbezaan umur. Dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan dalam kandungan TITAS 1 menjadi faktor kepada kebolehan yang berbeza berasaskan perbezaan umur. Justeru itu perbezaan dalam kandungan TITAS 1 mampu mempengaruhi kebolehan responden yang berbeza kumpulan umur.

Penemuan seterusnya telah menunjukkan bahawa faktor perbezaan dalam aspek-aspek penting Islam yang diajar didapati terdapat perbezaan yang signifikan berasaskan perbezaan umur. Dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan kefahaman, lantas mempengaruhi pula pandangan para pelajar dalam aspek-aspek penting Islam yang diajar. Ianya juga menjadi faktor kepada kebolehan yang berbeza berasaskan perbezaan umur. Justeru itu perbezaan dalam aspek-aspek penting Islam yang diajar mampu mempengaruhi pandangan responden yang berbeza kumpulan umur.

Penemuan seterusnya telah menunjukkan bahawa faktor pandangan keseluruhan terhadap TITAS 1 didapati terdapat perbezaan yang signifikan berasaskan perbezaan umur. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor pandangan keseluruhan terhadap TITAS 1 menjadi faktor kepada kebolehan yang berbeza berasaskan perbezaan umur. Justeru itu perbezaan faktor pandangan keseluruhan terhadap TITAS 1 mampu mempengaruhi kebolehan responden yang berbeza kumpulan umur.

Penemuan seterusnya telah menunjukkan bahawa faktor pandangan keseluruhan didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan kumpulan bangsa. Dapatkan kajian ini menunjukkan faktor pandangan keseluruhan menjadi faktor kepada kebolehan yang berbeza berdasarkan perbezaan kumpulan bangsa. Justeru itu perbezaan faktor pandangan keseluruhan mampu mempengaruhi kebolehan responden yang berbeza kumpulan bangsa.

Pengkaji telah membuktikan bahawa faktor perbezaan kandungan TITAS 1 didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan kumpulan bangsa. Dapatkan kajian ini menunjukkan faktor perbezaan kandungan TITAS 1 menjadi faktor yang berkesan kepada kebolehan yang berbeza berdasarkan perbezaan kumpulan bangsa. Justeru itu faktor perbezaan kandungan TITAS 1 mampu mempengaruhi kebolehan responden yang berbeza kumpulan bangsa.

Penemuan seterusnya telah menunjukkan bahawa faktor perbezaan pandangan dalam aspek-aspek penting yang diajar didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan kumpulan bangsa. Dapatkan kajian ini menunjukkan faktor perbezaan aspek-aspek penting yang diajar menjadi faktor yang berkesan kepada kebolehan yang berbeza berdasarkan perbezaan kumpulan bangsa.

Contoh bagi pernyataan di atas ialah dalam aspek syariah Islam yang dikatakan tidak merangkumi '*hūdūd*' dan '*qīṣāṣ*'. Didapati respondan Melayu sendiri masih ragu ragu dan keliru. Ini dapat dibuktikan dengan 23 respondan(18.5 %) dari jumlah 124 respondan Melayu bersetuju bahawa dalam


syariat Islam tidak terdapat ‘*hüdud*’ dan ‘*qisāṣ*’. Bahkan tiga puluh orang respondan memberikan jawapan ‘kurang pasti’ sama ada wujud atau tidak ‘*hüdud*’ dan ‘*qisāṣ*’ dalam syariah Islam. Keadaan ini meletakkan kefahaman pelajar pelajar Melayu sama dengan bangsa bangsa lain, seperti bangsa Cina, India Bumiputra Sabah dan Bumiputra Sarawak. Sebagai contoh, 15 respondan berbangsa India dari sejumlah 21 respondan (71 %) memberikan jawapan ‘kurang pasti.’ Demikian juga dengan 33 respondan berbangsa Cina dari sejumlah 41 orang (80.4 %) memberikan jawapan kurang pasti.

Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa faktor kandungan TITAS 1 yang diajar didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan kumpulan agama. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor kandungan TITAS 1 yang diajar menjadi faktor yang berkesan kepada kebolehan yang berbeza berdasarkan perbezaan kumpulan agama. Justeru itu faktor pemahaman dan penguasaan kandungan TITAS 1 kuat mempengaruhi persepsi atau pandangan responden berlainan agama terhadap subjek TITAS 1.

Dapatan kajian seterusnya telah menunjukkan bahawa faktor pandangan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang diajar didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan kumpulan agama. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor pandangan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang diajar menjadi faktor yang berkesan kepada kebolehan yang berbeza berdasarkan perbezaan kumpulan agama. Keadaan ini disebabkan kandungan silibus tidak membantu menambahkan kefahaman mereka terhadap Islam. Misalnya, lima respondan beragama Buddha, mewakili 13.5 % respondan sangat bersetuju

bahawa kandungan silibus TITAS tidak membantu kefahaman mereka terhadap Islam. Empat orang respondan beragama Hindu atau 2% sangat bersetuju. Manakala respondan beragama Islam adalah 51 orang atau 39.5% sangat bersetuju bahawa silibus TITAS tidak membantu kefahaman mereka terhadap Islam. Respondan yang bersetuju terdiri dari Islam(66 orang), 53 % Buddha(9 orang) atau 24.3 % bersetuju dan Kristian 5 orang respondan. Namun begitu, apa yang menarik dalam kajian ini, para respondan keseluruhannya berpandangan positif terhadap Islam dan subjek TITAS 1. Ini dapat dibuktikan dengan taburan keseluruhan reaksi mereka dari pernyataan “Islam adalah satu cara hidup”. Reaksi tersebut dapat diterjemahkan dalam gambaran rajah berikut ini,

Rajah 5.2 : Taburan jawapan respondan mengenai “Islam satu cara hidup.”



Kebanyakan respondan memberikan jawapan ‘sangat bersetuju’ bahawa Islam adalah satu cara hidup. Faktor pergaulan di antara sesama Islam dan bukan Islam adalah penyumbang ke arah pandangan yang positif terhadap Islam. Ini dapat dibuktikan dengan 107 respondan atau 53.5 % memberikan jawapan mengenai sumber yang paling mempengaruhi mereka mengenal Islam ialah pergaulan dan persahabatan di antara sesama mereka. Jawapan respondan dalam aspek ini dikodkan sebagai 4.00. Dapatan kajian ditunjukkan dalam jadual 5.2 di halaman sebelah.

Jadual 5.2: Asas atau sumber kepengetahuan agama Islam respondan.

		asas atau sumber pengetahuan agama yang diperolehi			
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	1.00	14	7.0	7.0	7.0
	2.00	33	16.5	16.5	23.5
	3.00	9	4.5	4.5	28.0
	4.00	107	53.5	53.5	81.5
	5.00	36	18.0	18.0	99.5
	44.00	1	.5	.5	100.0
	Total	200	100.0	100.0	

Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa faktor keberkesanan pengajaran dan pembelajaran didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan kumpulan umur yang berbeza. Dapatkan kajian ini menunjukkan faktor keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tidak menjadi faktor yang berkesan kepada perbezaan kebolehan, berdasarkan kumpulan umur yang berbeza.

Hipotesis 2

Hasil dari penemuan kajian mendapati terdapat perbezaan dalam tahap sambutan di kalangan para pelajar terhadap TITAS 1 yang diajar berdasarkan perbezaan jantina responden. Ini menunjukkan jantina mempunyai pengaruh yang besar terhadap perbezaan tahap sambutan di kalangan para pelajar terhadap TITAS 1 yang diajar. Kemampuan pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki. Keputusan kajian ini amat menarik kerana jantina menjadi faktor yang membezakan tahap sambutan di kalangan para pelajar terhadap TITAS 1 yang diajar.

Hasil kajian seterusnya telah menunjukkan bahawa faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang diajar didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan kumpulan negeri responden. Dapatkan kajian ini menunjukkan faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang

diajar menjadi faktor kepada sambutan yang berbeza berdasarkan perbezaan kumpulan negeri. Justeru itu faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang diajar mampu mempengaruhi pandangan responden yang berbeza kumpulan negeri.

Penemuan seterusnya telah menunjukkan bahawa faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan agama. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang diajar menjadi faktor kepada pandangan yang berbeza berdasarkan perbezaan agama respondan.

Dapatan kajian seterusnya mendapati faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 adalah tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan kumpulan sekolah terakhir responden. Justeru itu, faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang diajar sebenarnya tidak mempengaruhi sambutan responden yang berbeza kumpulan sekolah terakhir.

Selain daripada itu, kajian ini juga telah mendapati faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 sebenarnya tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan kumpulan umur. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang diajar tidak menjadi faktor kepada sambutan yang berbeza berdasarkan perbezaan kumpulan umur responden. Justeru itu faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1, tidak mempengaruhi sambutan responden yang berbeza kumpulan umur.

Pengkaji telah membuktikan bahawa faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang diajar didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan kumpulan bangsa. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 yang diajar menjadi faktor yang berkesan kepada sambutan yang berbeza berdasarkan perbezaan kumpulan bangsa. Justeru itu faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1 didapati mempengaruhi sambutan responden yang berbeza kumpulan bangsa.

Penemuan seterusnya juga menunjukkan faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan perbezaan tahap pengetahuan. Dapatan kajian ini mendapati faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1, tidak menjadi faktor yang berkesan kepada sambutan yang berbeza berdasarkan perbezaan tahap pengetahuan. Justeru itu faktor perbezaan sambutan keseluruhan terhadap TITAS 1, adalah tidak mempengaruhi kebolehan responden yang berbeza tahap pengetahuan.

Sambutan pelajar terhadap TITAS, terutamanya dari bangsa lain tidak memuaskan. Misalnya kajian yang dijalankan ke atas seramai 35 orang berbangsa Cina dari 200 respondan atau 17.5 %, menyatakan mereka tidak berminat untuk terus mengambil kursus TITAS, andainya dijadikan subjek elektif. Demikian juga respondan yang berbangsa India. Kajian ke atas 17 respondan atau 8.5 % menyatakan mereka juga tidak berminat. Manakala bangsa Melayu pula masing

masing berbelah bagi, bila mana 69 orang respondan menyatakan berminat dan yang tidak berminat seramai 55 orang.

Mengenai persoalan kajian, terdapatkah perbezaan sambutan di kalangan para pelajar terhadap kursus TITAS 1 berasaskan ciri-ciri demografi terpilih. Ciri-ciri demografi yang dimaksudkan ialah jantina, umur, bangsa, agama, peringkat mengambil subjek agama atau sejarah Islam, tahun pengajian, kategori sekolah menengah terakhir dan negeri asal respondan. Maka, dapatkan kajian dapat disimpulkan sebagai berikut:

- a) Terdapat perbezaan sambutan di kalangan para pelajar terhadap kursus Tamadun Islam dan Asia(TITAS) berasaskan jantina. Didapati pelajar perempuan lebih positif sambutan mereka terhadap kursus ini berbanding lelaki.
- b) Terdapat perbezaan sambutan di kalangan para pelajar terhadap kursus TITAS 1 berasaskan kumpulan negeri dan bangsa.
- c) Tidak terdapat perbezaan sambutan di kalangan para pelajar terhadap kursus TITAS 1, berasaskan kumpulan sekolah menengah terakhir, umur dan tahap pengetahuan.
- d) Tidak terdapat perbezaan pandangan para pelajar IPTA terhadap kursus TITAS 1, berasaskan kumpulan umur.
- e) Tidak terdapat perbezaan pandangan para pelajar IPTA terhadap kursus TITAS 1 dalam aspek pengajaran dan pembelajaran berasaskan tahap kepengetahuan Islam.

- f) Tidak terdapat perbezaan pandangan terhadap aspek pengajaran dan pembelajaran TITAS 1 berasaskan perbezaan negeri asal respondan.

Hipotesis 3

Hasil dari penemuan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan sikap di kalangan para pelajar kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan jantina responden. Ini menunjukkan faktor jantina tidak mempengaruhi perbezaan sikap di kalangan para pelajar kursus TITAS 1 yang diajar. Kemampuan pelajar perempuan dan lelaki hampir sama sahaja. Keputusan kajian ini amat menarik kerana jantina tidak menjadi faktor yang membezakan sikap di kalangan para pelajar kursus TITAS 1 yang diajar.

Hasil kajian seterusnya telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan negeri responden. Dapatkan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan negeri. Justeru itu faktor perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar sebenarnya tidak mampu mempengaruhi sikap responden yang berbeza kumpulan negeri.

Hasil kajian seterusnya telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan sekolah terakhir responden. Dapatkan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan sekolah terakhir. Justeru itu faktor perbezaan

sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar sebenarnya tidak mampu mempengaruhi sikap responden yang berbeza kumpulan sekolah terakhir.

Hasil kajian seterusnya telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan umur responden. Dapatkan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan kumpulan umur. Justeru itu faktor perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar sebenarnya tidak mampu mempengaruhi sikap responden yang berbeza kumpulan umur.

Hasil kajian seterusnya telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan bangsa responden. Dapatkan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan bangsa. Justeru itu faktor perbezaan sikap terhadap kursus TITAS 1 yang diajar sebenarnya tidak mampu mempengaruhi sikap responden yang berbeza kumpulan bangsa.

Hasil kajian seterusnya telah menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan tahap pengetahuan responden. Dapatkan kajian ini jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan sikap secara keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar berasaskan perbezaan tahap pengetahuan responden. Justeru itu faktor perbezaan sikap keseluruhan terhadap kursus TITAS 1 yang diajar

sebenarnya tidak mampu mempengaruhi responden yang berbeza tahap pengetahuannya.

Ringkasnya, sikap para pelajar terhadap TITAS 1 dapat diterjemahkan melalui respon dan reaksi mereka terhadap kertas soalselidik. Para pelajar tidaklah begitu berminat menghadiri kuliah TITAS, kecuali semata-mata bimbang tertinggal kuiz yang mungkin diadakan setiap sidang pengkuliahan. Seramai 43 % sangat bersetuju dan 69 % bersetuju hadir kuliah tanpa minat. Respondan berbangsa Melayu ialah 13 % atau 26 orang sangat bersetuju hadir kuliah tanpa minat. Manakala respondan berbangsa Cina 9 orang (4.5 %), India 4 orang(2%), lain lain bangsa 4 orang (2%) masing-masing sangat bersetuju hadir kuliah tanpa minat. Demikian juga respondan yang turut sama menyatakan persetujuan mereka ialah respondan berbangsa Melayu 44 orang (22%), respondan berketurunan Cina 17 orang (8.5 %), India 5 orang (2.5 %), dan lain lain bangsa 3 orang (1.5%). Tumpulnya minat ada perkaitannya dengan wujudnya jurang komunikasi antara pelajar dan pensyarah. Sebagai contoh, kebanyakan respondan memberikan jawapan ‘sekali sekala’ mengenai kekerapan mereka berbincang atau berjumpa pensyarah. Reaksi sepenuhnya terhadap pernyataan ini dapat dirujuk pada jadual berikut;

Jadual 5.3: Kekerapan perbincangan antara pelajar dan pensyarah TITAS

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat kerap	2	1.0	1.0	1.0
kerap	7	3.5	3.5	4.5
sekali sekala	76	38.0	38.0	42.5
jarang jarang	66	33.0	33.0	75.5
tidak pernah	49	24.5	24.5	100.0
Total	200	100.0	100.0	

Pengkaji menaruh keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan para pelajar mengubah pandangan dan persepsi mereka agar positif terhadap kursus TITAS, andainya tenaga pengajarnya sentiasa bermuhasabah dengan menyisihkan ‘kebongkakan ijazah’ lalu terus bersedia memperbaiki diri dengan berubah kepada budaya baru. Seperkara yang sangat menarik dalam kajian ini ialah, sungguh pun pelajar kurang berminat, namun kefahaman mereka terhadap subjek TITAS menampakkan peningkatan yang baik. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan kajian berdasarkan jadual-jadual ini;

Jadual 5.4: Kefahaman pelajar sebelum mengikuti TITAS

Frekuensi kefahaman selepas mengikuti TITAS

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat faham	1	.5	.5	.5
faham	39	19.5	19.5	20.0
sederhana	83	41.5	41.5	61.5
faham sedikit	56	28.0	28.0	89.5
tidak faham langsung	21	10.5	10.5	100.0
Total	200	100.0	100.0	

Berikut ini, jadual yang menunjukkan peningkatan tahap kefahaman para pelajar selepas mengikuti kuliah TITAS.

Jadual 5.5: Kefahaman pelajar selepas mengikuti TITAS

Frekuensi kefahaman selepas mengikuti TITAS

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sangat faham	13	6.5	6.5	6.5
faham	95	47.5	47.5	54.0
sederhana	56	28.0	28.0	82.0
faham sedikit	30	15.0	15.0	97.0
tidak faham langsung	6	3.0	3.0	100.0
Total	200	100.0	100.0	

Pengkaji merasa penuh optimis, peningkatan yang memberangsangkan ke arah memahami TITAS dan Islam khususnya, adalah lebih bergantung kepada sejauhmana ikhlasnya tenaga pengajar menyampaikan isi pengajaran TITAS.

Sambutan dan sikap mereka terhadap subjek TITAS juga banyak dipengaruhi oleh keupayaan atau kemampuan tenaga pengajarnya menjadikan subjek tersebut menarik. Faktor demografi, seperti umur, agama anutan, bangsa, jantina, tahap pengajian dan kenegerian bukanlah halangan bagi menelurkan kefahaman dan pandangan yang benar terhadap Islam yang menunjangi kursus TITAS. Tasawwur yang benar turut mengurangkan atau mengikis terus kesalahtanggapan mereka terhadap Islam. Tamadun Islam dengan segala keupayaannya dapat membangunkan serta mengepalai lain-lain tamadun bangsa di dunia ini. Hasilnya, kebanyakan respondan berpandangan positif, bahawa Islam dengan segala sistemnya sesuai diamalkan dalam negara yang masyarakatnya majmuk sepetimana Malaysia. Reaksi pandangan respondan ini dapat dilihat dan dibuktikan dengan jadual di bawah ini;

Jadual 5.6: Islam sesuai dipraktikkan di Negara ini.

Islam boleh dipraktikkan di Malaysia

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	sangat setuju	97	48.5	48.5	48.5
	setuju	49	24.5	24.5	73.0
	kurang pasti	33	16.5	16.5	89.5
	tidak setuju	10	5.0	5.0	94.5
	sangat tidak setuju	11	5.5	5.5	100.0
	Total	200	100.0	100.0	

5.4 Kesimpulan Kajian

Hasil dari kajian ini boleh dijadikan panduan kepada semua pihak dalam perkhidmatan pendidikan di IPTA bagi memahami bagaimana para pelajar menguasai kursus TITAS 1. Malahan menzahirkan pandangan

yang membina tanpa sebarang kepentingan. Berikut adalah ringkasan yang dapat disimpulkan dari dapatan kajian ini, antaranya ialah;

- 5.4.1 Kebanyakan respondan berpandangan positif terhadap Islam yang menunjang kursus TITAS, biarpun subjek tersebut tidak begitu diminati. Kajian ini juga mendapati kandungan silibus TITAS tidak membantu kefahaman respondan terhadap Islam. Namun demikian, keadaan ini dapat diatasi dengan ‘tugasan’ yang dikenalpasti antara faktor peningkatan kefahaman respondan terhadap kursus berkenaan.
- 5.4.2 Faktor menurunnya minat dan kecenderungan terhadap subjek TITAS, ada kaitan dengan kurangnya kemahiran para pensyarah menjadikan subjek tersebut menarik dan memberangsangkan minat pelajar. Selain daripada itu, jurang komunikasi dan intraksi antara pelajar dan pensyarah juga turut menyumbang membantutkan minat dan kecenderungan mereka.
- 5.4.3 Terdapat perbezaan pandangan di kalangan para pelajar terhadap TITAS dari segi kesesuaian kandungan silibus, aspek-aspek penting Islam di IPTA, berasaskan ciri-ciri demografi respondan seperti di bawah ini;
- 5.4.3(i) Perbezaan umur
- 5.4.3(ii) Bangsa
- 5.4.3(iii) Agama
- 5.4.3(iv) Tahap kepentrehan Islam
- 5.4.3(v) Kenegerian.
- 5.4.4 Terdapat perbezaan sambutan di kalangan para pelajar terhadap kursus TITAS berasaskan perbezaan jantina, agama dan bangsa respondan.

- 5.4.5 Tidak terdapat perbezaan sikap di kalangan para pelajar terhadap kursus TITAS berdasarkan perbezaan jantina, negeri asal, agama. Sekolah menengah terakhir, umur, bangsa dan tahap kepengetahuan agama.
- 5.4.6 Pelajar bukan Islam masih keliru dengan aspek-aspek tertentu Islam . Misalnya masalah hukum ‘*ḥūdūd*’ atau ‘*qīṣāṣ*’ . Sebahagian dari pelajar beranggapan aspek tersebut bukan dari ajaran Islam yang sebenarnya. Ianya sengaja digembar-gemburkan untuk kepentingan politik bagi pihak tertentu yang berkepentingan. Para pensyarah tidak berjaya menghuraikannya secara jelas dan telus, kemungkinan bimbangkan dikatakan cenderung kepada fahaman politik kepartian yang tertentu. Ini dapat dijelaskan dengan bukti penemuan kajian yang menunjukkan 97 % respondan(48.5%) merasa kurang pasti bahawa terdapat aspek ‘*ḥūdūd*’ atau ‘*qīṣāṣ*’ dalam syariah Islam. Pecahan kaum yang memberikan jawapan ‘kurang pasti’ adalah Melayu 39 % (19.5%), Cina 33 orang(16.5 %), India 15 orang(7.5 %), manakala Bumiputra Sabah dan Sarawak 10 orang (5 %).

5.5 Cadangan Perlaksanaan

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang dibentangkan serta dilaporkan di atas, maka berikut ini dikemukakan pula beberapa cadangan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran TITAS. Inisiatif ini sekaligus diharapkan dapat mengubah, di samping mempengaruhi pandangan para pelajar agar berfikiran dan

pandangan terbuka tanpa prejedis terhadap kursus TITAS. Antaranya ialah;

- 5.5.1 Hasil kajian mendapati respondan berpandangan bahawa kemahiran pensyarah dalam aspek metodologi pengajaran dan pembelajaran adalah dalam lingkungan tahap sederhana. Oleh itu, dicadangkan agar dari masa ke semasa tenaga pengajarnya hendaklah didedahkan dengan kursus kursus pedagogi pengajaran dan pembelajaran. Ledakan teknologi maklumat dan teknologi pendidikan, wajarlah dimanfaatkan agar minat pelajar dapat dipertingkatkan terhadap subjek tersebut.
- 5.5.2 Kajian ini mendapati sibus TITAS kini tidak membantu kefahaman para pelajar terhadap Islam sebagai suatu tamadun yang mempunyai ciri-ciri dan nilai nilai sejagat. Sibus TITAS hendaklah serasi dengan kehendak dan aspirasi falsafah pendidikan negara. Selain daripada itu, konsep Islam perlulah dijadikan teras dalam kandungan kurikulum TITAS. Misalnya memperjelaskan Islam sebagai agama dan Tamadun; Konsep asas, sifat dan ciri-ciri utamanya. Oleh itu, satu jawatankuasa penggubal kurikulum yang terdiri dari seluruh tenaga pengajar IPTA perlulah diwujudkan segera. Kurikulum yang relevan akan dapat membimbingi para pelajar menjawab persoalan semasa, sebagai contoh benarkah konsep ‘Jihad’ dalam Islam menganjurkan keganasan.
- 5.5.3 Kajian ini juga mendapati pelajar bukan Islam, terutamanya keturunan Cina, India lebih memahami Islam sebagai agama ‘ritual’ semata-mata.

Islam lebih menumpukan keakhiran. Justeru itu, Islam pada pandangan mereka tidak terdapat aspek perundangan seperti aspek '*ḥüdūd*' dan '*qīṣāṣ*'. Oleh itu, para pensyarah TITAS wajarlah menjelaskannya dengan cermat, ikhlas dan berhati-hati tanpa sebarang kepentingan dan bebas dari pengaruh kepartian, agar pelajar bukan Islam yakin bahawa Islam itu bersifat global dan universal. Bahkan Islam membawa nilai-nilai kebaikan sejagat untuk seluruh umat manusia. Selain daripada itu, keunggulan Islam haruslah diperjelaskan dari sudut falsafah dan konsepnya. Konsep pengurusan Islam, konsep pembangunan Islam dan sebagainya.

- 5.5.3 Hubungan pelajar dan tenaga pengajar janganlah diremehkan. Ruang berkomunikasi antara pelajar dan pensyarah perlulah diusahakan sama ada di pihak pelajar atau pensyarah itu sendiri. Hal ini, bukan sahaja dapat membantu meningkatkan kefahaman pelajar, malahan dapat pula memupuk minat dan kecenderungan mereka terhadap subjek tersebut.
- 5.5.4 Kajian ini juga mendapati tugasan yang diberikan oleh para pensyarah TITAS dapat membantu menambahkan kefahaman mereka terhadap Islam. Oleh itu para pelajar haruslah didedahkan dengan aspek-aspek penting Islam, iaitu aqidah, syariah dan akhlak. Tajuk tajuk tugasan haruslah menjangkaui kesyumulan aspek tersebut dalam konteks kehidupan harian manusia.

5.6 Cadangan Untuk Penyelidikan Lanjut.

Pengkaji mengakui dan menyedari kajian ini mempunyai banyak kelemahan disebabkan pensampelannya yang terhad dan respondannya tidaklah terlalu ramai. Oleh itu, kajian ini boleh dikembangkan lagi agar maklumat yang lebih terperinci dapat diperolehi. Malahan dapatan yang lebih baik akan dapat dihasilkan. Antara cadangan untuk penyelidikan selanjutnya ialah:

- 5.6.1 Kajian seharusnya menggunakan populasi yang lebih besar, iaitu merangkumi seluruh pelajar-pelajar di IPTA seluruh negara yang mengambil kursus TITAS 1.
- 5.6.2 Menggunakan instrumen yang lebih meluas liputannya agar kepastian dapatan dapat dipertahankan. Para pensyarah TITAS perlulah juga dilibatkan sebagai respondan bagi menjawab soalselidik.
- 5.6.3 Kajian seterusnya haruslah mengukur apakah faktor sebenar yang menyumbangkan perbezaan di antara pelajar-pelajar perempuan berbanding dengan pelajar-pelajar lelaki.
- 5.6.4 Melihat apakah strategi yang boleh diamalkan oleh pihak pentadbiran dan pengurusan IPTA seluruh negara ke arah membentuk kurikulum TITAS yang lebih efisyen dan praktikal untuk seluruh pelajar di IPTA.